



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 04 OGOS 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SMART SBB: PESAWAH DISARAN FIKIR PANJANG, MALAYSIA KINI-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	PASARAN ARNAB PEDAGING BERPOTENSI TINGGI, BISNES, SH-29	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	FAMA PASARKAN 11,000 TAN METRIK HASIL PERTANIAN, BULETIN BERNAMA- BTV	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	FAMA PASARKAN 11,000 TAN METRIK HASIL PERTANIAN, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK-26	
5.	MINISTRY HELPS MARKET RM38M WORTH OF AGRICULTURAL PRODUCE, NATION-DAILY EXPRESS-4	
6.	FAMA BANTU JUAL BUAH DURIAN SEGAR DI PASARAN, SH-ONLINE	
7.	MAFI HELPS MARKETS 11,000 METRIC TONNES OF AGRICULTURE, NEWS, TAMIL MALAR-5	
8.	JABATAN PERIKANAN BANTU PENTERNAK, MSN.COM-ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	JABATAN PERIKANAN BANTU PENTERNAK, BH-ONLINE	
10.	MAQIS RAMPAS LEBIH 49 TAN PASIR KUCING TANPA PERMIT, SH-ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
11.	MAQIS RAMPAS DUA KONTENA PASIR KUCING, NASIONAL, BH-19	
12.	PERAK BAKAL PENGELUAR UTAMA KENAF, NEGERI PERAK, SH-25	LAIN - LAIN
13.	HARGA DURIAN 50 SEN SEKILOGRAM, NASIONAL, BH-18	
14.	SASAR SETIAP PPR 1 KEBUN KOMUNITI, NASIONAL, BH-15	
15.	PENTERNAK RUGI, LEBIH 100 ANAK AYAM MATI TERBAKAR, DALAM NEGERI, UM-27	
16.	3,237HA SET ASIDE FOR AVOCADO PLANTATION PROJECT IN SABAH, NATION, NST-12	
17.	PERAK SASAR JADI PENGELUAR KENAF UTAMA, DALAM NEGERI, UM-24	
18.	BETUL-BETUL "DURIAN RUNTUH", LOKAL, HM-18	
19.	MELON MANIS A MUST BUY ITEM IN TERENGGANU, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU-A7	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.08.2021	MALAYSIA KINI	ONLINE	-

SMART SBB: PESAWAH DISARAN FIKIR PANJANG

Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) dan Forum Kedaulatan Makanan Malaysia (FKMM) menolak rancangan kerajaan bagi projek Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB). Malah, mereka menggesa petani dan pemilik tanah sawah yang berhasrat menyertai projek itu tidak mengambil sikap terburu-buru.

Petani dan pemilik sawah juga disaran mendapatkan nasihat dan merujuk petani berpengalaman selain meminta bantuan guaman atau mereka yang mahir sebelum menandatangani apa-apa perjanjian. PeSAWAH dan FKMM dalam satu kenyataan berkata, pihaknya mendapati projek SBB akan memberi kuasa kepada pengurusan estet melakukan apa sahaja projek yang mereka mahu di kawasan yang mereka pajak atau miliki.

"Sebelum ini, para petani diberitahu bahawa projek SBB ini akan memfokuskan penambahbaikan penanaman padi untuk meningkatkan hasil. "Sasaran yang ditetapkan untuk projek ini adalah peningkatan tahap sara diri (SSL) beras kepada 75% dan pengeluaran hasil sebanyak tujuh tan per hektar dan pendapatan purata petani akan ditingkatkan kepada RM7,000 setahun per hektar. "Bagaimanapun, belum pun setahun projek ini berjalan, pihak estet telah mengubah strategi dengan mahu menternak udang pula," kata mereka.

Mengulas lanjut, PeSAWAH dan FKMM mempersoalkan adakah pihak syarikat peneraju tidak yakin dengan perancangan tanaman padi 'smart' mereka sendiri. "Atau pun dari awal lagi tidak berminat dengan agenda peningkatan pengeluaran padi tempatan kerana lebih mudah dan untung mengimport beras dan menternak udang?" soalnya.

Baru baru ini Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) Smart SBB antara kerajaan dengan 11 syarikat peneraju. Projek Smart SBB dijangka meningkatkan purata pendapatan pesawah daripada RM5,000 kepada RM7,900 setahun.

Menterinya, Ronald Kiandee berkata, pendapatan bersih sehektar pula dijangka meningkat daripada RM5,400 sehingga ke RM15,600 setahun jika purata produktiviti sehektar meningkat daripada 3.5 tan metrik kepada sasaran tujuh tan metrik. Ronald Kiandee Bagaimanapun, Ahad lepas Mafi memperkenalkan projek ternak udang galah dalam sawah padi untuk meningkatkan pendapatan pesawah.

Menurut kenyataan itu, sejarah daripada projek ternakan udang harimau di Kerpan, Kedah pada 90-an atas tanah sawah sepatutnya menjadi pengajaran. Kata PeSAWAH dan FKMM, apabila sawah dijadikan kolam udang, ia akan membawa masalah lain seperti pencemaran tanah dan air yang lama.

"Malah, ia tidak sesuai lagi ditukar kembali kepada sawah apabila tempoh pajakan berakhir," kata mereka yang turut membangkitkan projek ternakan ikan arowana di kawasan sawah sekitar Tasik Bukit Merah. Malaysiakini cuba mendapatkan reaksi Ronald Kiandee atas dakwaan ini.



Seorang penternak dan peniaga arnab, Ismail Jusoh, 56, menunjukkan dua arnab induk jantan dan betina yang ditenak di Kampung Lambor, Wakaf Bharu, Tumpat.

Pasaran arnab pedaging berpotensi tinggi



Arnab pedaging baka New Zealand White bemilal RM 35 sekilogram yang hidup dengan berat sekitar sekilogram hingga 1.6 kilogram setiap ekor.



Ismail (depan tengah) menunjukkan karkas daging arnab beku yang dijual RM28 sekilogram kepada Che Abdullah (kiri) ketika timbalan menteri itu melawat Indang ternakannya baru-baru ini.

Pusingan pembiakan singkat, kos operasi rendah namun pulangan lumayan

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

TUMPAT

Industri ternakan arnab pedaging mula mendapat tempat dalam pasaran mutakhir ini kerana dilihat berpotensi tinggi dalam memberi pulangan lumayan kepada peniaga berbanding kos pengoperasian yang rendah.

Antara baka popular yang menjadi pilihan penternak adalah arnab pedaging jenis New Zealand White yang berharga

sekitar RM35 per kilogram (kg) setiap yang hidup dengan berat karkas antara sekilogram sehingga 1.6kg.

Seorang penternak dan peniaga arnab, Ismail Jusoh, 56, mengusahakan projek ternakan arnab pedaging di Kampung Lambor, Wakaf Bharu, di sini bermula 15 September 2019.

Katanya, sebanyak RM50,000 nilai pelaburan modal permulaan digunakan bagi membeli induk betina yang setiap ekor berharga RM70 manakala seekor induk jantan berharga RM150.

"Pertama ada sebanyak 29 ekor arnab betina dan tiga arnab jantan untuk tujuan pembiakan.

"Dua bulan kemudian, ditambah 10 ekor arnab betina serta enam arnab jantan menerusi Persatuan Penternak Arnab Kelantan (Petak)," katanya ketika

ditemui di Kampung Lambor, Wakaf Bharu di sini.

Menurutnya, pusingan pembiakan arnab mengambil masa singkat dengan jumlah kelahiran antara tujuh ekor sehingga 11 ekor setiap kali pembiakan.

"Kini sudah ada 160 ekor arnab berserta 200kg daging arnab beku yang bersedia untuk dijual ke peminat arnab dan pemakan daging arnab selain menyasarkan kapasiti sehingga 350 ternakan arnab pada masa depan.

"Pemasaran arnab juga dilakukan menerusi Petak, Persatuan Penternak Arnab Pedaging (APEK) selain kedai makan serta pemborong di dalam dan luar Kelantan," katanya.

Ismail dan penternak lain turut berdepan cabaran getir da-

lam memasarkan hasil ternakan sewaktu pandemik Covid-19 kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga menjejaskan pendapatan yang biasa diraih antara RM8,000 hingga RM10,000 setahun.

"Kesemua ternakan memerlukan dedak 18kg yang berharga RM52 bagi 25kg dan kos itu sentiasa meningkat dari semasa ke semasa.

"Sebolehnya harga karkas arnab RM28 sekilogram dinaikkan ke RM32 sekilogram bagi memberi pulangan penjualan yang lebih lumayan," katanya.

Tambahnya, kerjasama baik dijalinan antara penternak dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Kementerian

Pertanian dan Industri Asas Makanan (MAFI) menerusi lawatan Timbalan Menteri II MAFI, Datuk Che Abdullah May Nawi yang meninjau ke tapak projek ternakan pada Ahad.

"Pihak jabatan menerusi Skim Agropreneur Muda turut membantu penternak berpotensi dengan penyediaan kelengkapan ternakan, infrastruktur dan bekalan makanan bagi menampung permintaan tinggi pasaran daging arnab.

"Penternak digalakkan menyertai kursus asas penternakan arnab bagi meningkatkan kemahiran dan merencanakan industri pemasarkan daging arnab," katanya.



Tapak projek ternakan arnab pedaging di Kampung Lambor, Wakaf Bharu, Tumpat yang mampu menampung kapasiti sehingga 350 arnab.



Che Abdullah (kiri) melihat arnab pedaging baka New Zealand White yang ditenak dan dijual oleh Ismail.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.06.2021	BERNAMA TV	BULETIN BERNAMA	-

FAMA PASARKAN 11,000 TAN METRIK HASIL PERTANIAN





03 AUG, 2021

FAMA pasarkan 11,000 tan hasil pertanian

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA pasarkan 11,000 tan hasil pertanian

PASIR MAS: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membantu memasarkan 11,000 tan metrik hasil pertanian bernilai RM38.22 juta di seluruh negara bermula 25 Mei hingga 29 Julai lepas.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, FAMA memasarkan hasil pertanian itu menerusi pihak ketiga selain pusat operasi agensi berkenaan.

"Semua hasil pertanian yang dipasarkan FAMA itu dibawa ke kawasan memerukan selain digunakan sebagai produk sumbangan dalam program MAFI Prihatin.

"Di Kelantan sahaja, FAMA turut membantu memasarkan hampir 2,500 tan metrik hasil pertanian dengan nilai RM2.4 juta," katanya kepada pemberita selepas melawat kebun timun di Kampung Pulau, Chicha, di sini semalam.

Turut hadir, Pengarah FAMA Kelantan Wan Nora Wan

Ahmad dan Penasihat Kompleks Pemasaran FAMA Kelantan Mohd Arifin Awang.

Rabu lepas, Bernama melaporkan pekebun timun Nik Azani Nik Yaakub, 46 dan adiknya Nik Azrin, 29, tertekan apabila hasil tanaman timun yang diusahakan sejak tahun lepas mempunyai lambakan kira-kira 1.5 tan sehari berikutan keterbatasan pasaran.

Bagi menyelesaikan masalah itu, Che Abdullah berkata FAMA akan membantu memasarkan lambakan timun tersebut selain menjadikan mereka berdua sebagai petani di bawah program ladang kontrak.

"Menerusi FAMA juga kedua-duanya diberi tempat jualan sebata percuma bagi membolehkan hasil dijual sendiri secara terus kepada pelanggan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, Kota Bharu dan mengaktifkan semula jualan hasil pertanian di kampung," katanya.

Serentara itu, Che Abdullah berkata, masalah lambakan durian turut menjadi per-



TINJAUAN... Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi melihat sebahagian timun batang yang diusahakan Nik Azani Nik Yaakub, 49, (kanan) dan adiknya Nik Azrin Nik Yaakub, 29, (dua, kiri) ketika lawatan kerja beliau di Kampung Pulau baru-baru ini. *Foto BERNAMA

hatiari FAMA dengan membeli dan mengumpulkan buah tersebut di seluruh negeri lalu ditempatkan di pusat memproses durian di Pusat Operasi

FAMA di Machang. Beliau berkata, pusat tersebut telah beroperasi dengan dijangka 100 hingga 150 tan metrik durian akan diproses

menjadi kek, pes, tempoyak dan lempuk selain pihaknya memasarkan buah-buahan tersebut ke Lembah Klang - Bernama



03 AUG, 2021

FAMA pasarkan 11,000 tan hasil pertanian

[Utusan Sarawak, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

PASIR MAS: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membantu memasarkan 11,000 tan metrik hasil pertanian bernilai RM38.22 juta di seluruh negara bermula 25 Mei hingga 29 Julai lepas. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, FAMA memasarkan hasil pertanian itu menerusi pihak ketiga selain pusat operasi agensi berkenaan.



03 AUG, 2021

Ministry helps market RM38m worth of agricultural produce

Daily Express (KK), Malaysia

Page 1 of 2

Ministry helps market RM38m worth of agricultural produce

PASIR MAS: The Agriculture and Food Industries Ministry (Mafi), through the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), has helped market 11,000 metric tonnes of agricultural produce worth RM38.22 million nationwide from May 25 to July 29.

Its Deputy Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi said Fama had marketed these products through third parties as well as through the agency's operations centre.

"All agricultural products marketed by Fama were brought to areas in need and were also distributed as donations under the MAFI Prihatin programme.

"In Kelantan alone, Fama has helped market almost 2,500 metric tonnes of agricultural produce with a total value of RM2.4 million."

He said this to reporters after visiting a cucumber farm in Kampung Pulau, Chicha, here today, with Kelantan Fama director Wan Nora Wan Ahmad also present.

On Wednesday, Bernama reported that cucumber growers Nik Azani Nik Yaakub, 46, and his younger brother Nik Azrin, 29, were stressed as 1.5 tonnes of the vegetables had to be dumped daily for the past two weeks due to market limitations.

In resolving the problem, Che Abdullah said Fama as the marketing agency would help market the cucumbers and include the brothers as farmers under the Contract Farming programme.

"Through Fama, both of them will also be given a free point of sale at the Rural Transformation Center in Tunjong, Kota Bharu to enable them to sell agricultural products directly to customers and Fama will also reactivate the sale of agricultural produce in the village," he said.

Meanwhile, in order to overcome the durian dumping issue in Kelantan, Che Abdullah said Fama would buy and collect the fruits from all over the state and place them at the Fama operations centre in Machang.

He said it is expected that about 100 to 150 metric tonnes of durians would be processed into cakes, pastes and tempoyak (fermented durian paste), apart from marketing the fruit to the Klang Valley.

"The price for the durian kampung variety has been set at RM2 per kilogram and in Kelantan, there was a dumping of about 26 metric tonnes of durians last week. We expect the durian season will not be long and the price will not go down too low," he added. - Bernama



03 AUG, 2021

Ministry helps market RM38m worth of agricultural produce

Daily Express (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PASIR MAS: The Agriculture and Food Industries Ministry (Mali), through the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), has helped market 11,000 metric tonnes of agricultural produce worth RM38.22 million nationwide from May 25 to July 29. Its Deputy Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawawi said Fama had marketed these products through third parties as well as through the agency's operations centre.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.08.2021	SINAR HARIAN	ONLINE	-

FAMA BANTU JUAL BUAH DURIAN SEGAR DI PASARAN



PETALING JAYA: Kilang pemprosesan durian yang tidak dapat beroperasi penuh ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan menyebabkan harga raja buah itu jatuh di pasaran.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Abdul Rashid Bahri berkata, durian yang tidak dapat dijual di kilang berkenaan terpaksa dijual segar di pasaran sehingga menyebabkan berlaku lambakan.

Katanya, kebiasaannya ketika musim durian tiba, sebahagian buah akan dihantar ke kilang bagi tujuan eksport iaitu buah dikupas atau diproses menjadi pes manakala selebihnya dijual secara segar.

“Anggaran kami sebelum ini adalah 60 peratus akan dihantar ke kilang untuk diproses dan 40 peratus lagi untuk dijual segar di pasaran tempatan.

“Sepatutnya harga tidak turun sehingga begini, tetapi kali ini ia berlaku disebabkan terlalu banyak buah durian tidak boleh diproses,” katanya kepada Utusan Malaysia di sini semalam.

Dalam pada itu, Abdul Rashid berkata, Malaysia hanya mengeksport sebanyak empat peratus buah durian ke pasaran China setiap tahun berbanding negara jiran, Thailand yang mengeksport duriannya ke China hingga 95 peratus.

“Setahun biasanya 200 tan metrik buah durian yang telah diproses akan di eksport ke China.

“Bagi buah segar pula antara 1,000 hingga 2,000 tan metrik dalam tempoh setahun,” katanya. –
UTUSAN ONLINE



04 AUG, 2021

MAFI helps market 11,000 metric tonnes of agriculture

Tamil Malar, Malaysia

Page 1 of 2

மே-ஜூலை மாதங்களில் 11,000 டன் விவசாயப் பொருள்கள் உற்பத்தி செய்யப்பட்டுள்ளது

கோலாலம்பூர், ஆக. 4- மத்திய வேளாண் சந்தைப்படுத்தல் ஆணையத்தின் கீழ் வேளாண்மை மற்றும் உணவுத் தொழில்துறை அமைச்சகம் (MAFI), மே 25, 2021 முதல் ஜூலை 29, 2021 வரை நாடு முழுவதும் ரிம.38.22 மில்லியன் மதிப்புள்ள 11,000 மெட்ரிக் டன் விவசாயப் பொருட்களை சந்தைப்படுத்த உதவியுள்ளது.

வேளாண் சந்தைப்படுத்தல் ஆணையத்தின் துணை அமைச்சர் டத்தோ சே அப்துல்லா மாட் நவிகூறுகையில், வேளாண் சந்தைப்படுத்தல் ஆணையம் இந்த தயாரிப்புகளை மூன்றாம் தரப்பினரிடமும், நிறுவனத்தின் செயல்பாட்டு மையத்தின் மூலமும் சந்தைப்படுத்தியுள்ளது



பொருட்கள் MAFI Prihatin திட்டத்தின் கீழ் நன்கொடையாகவும் வழங்கப்பட்டது குறிப்பிடத்தக்கது.

“கிளந்தானில் மட்டும், வேளாண் சந்தைப்படுத்தல் ஆணையம் கிட்டத்தட்ட



என்றார்.

“வேளாண் சந்தைப்படுத்தல்

ஆணையத்தால் உற்பத்தி செய்யப்பட்ட விவசாய

2,500 மெட்ரிக் டன் விவசாயப் பொருட்களை ரிம.2.4 மில்லியன் மதிப்புடன் சந்தைப்படுத்த உதவியது” என்று அண்மையில் சிச்சாவின் கம்போங் புவலையில் உள்ள வெள்ளரிக்காய் பண்ணைக்குச் சென்ற பிறகு செய்தியாளர் அந்திப்பில் அவர் இதனை தெரிவித்தார்.

இவருடன் கிளந்தன் வேளாண் சந்தைப்படுத்தல் ஆணையத்தின் இயக்குநர் வான் நோரா வான் அஹ்மதுவும் உடன் இருந்தார் என்பது குறிப்பிடத்தக்கது.



04 AUG, 2021

MAFI helps market 11,000 metric tonnes of agriculture

Tamil Malar, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

மா-எலலை மாதங்களில் 19,000 பன் விவசாயப் பொருள்கள் 8றபததி
கோலாலம்பூர் , ஆக.4- மத்திய வளோண் சந்தைப்படுத்தல் (ஆணையத்தின் கீழ் வளோண்மமைற்றும் உணவாத்
தொழில்்துறை அமைச்சகம் 480), மதே 25, 2021 மாதல் முழுவதும் ரிம.38.22 மில்லியன் மதிப்பள்ள 11,000 மெட்ரிக் டன்
விவசாயப் பொருட்களை சந்தைப்படுத்த உதவியுள்ளது. 1 வளோண் சந்தைப்படுத்தல் ஆணையத்தின் துணை
அமைச்சரத்தோ சதே அப்துல்லா மாட்நவிகுறுகையில் ,வளோண் சந்தைப்படுத்தல் ஆணையம் இந்த தயாரிப்புகளை
மலின்றாம் தரப்பினரிடமும் , நிறுவனத்தின் செயல்பாட்டு மயைத்தின் மலம

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.08.2021	MSN.COM	ONLINE	-

JABATAN PERIKANAN BANTU PENTERNAK



JELEBU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memperuntuk lebih RM274,000 untuk membantu penternak ikan dan udang di negeri ini.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip, berkata seramai 23 penternak ikan, udang galah dan ikan hiasan sudah menerima bantuan yang dinamakan Sistem Penyampaian Khidmat Sokongan (SPeKs). "Bantuan meliputi makanan ikan dan peralatan seperti generator, jaring, kincir air,

mesin tekanan udara, pam air dan peralatan ternakan ikan hiasan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan SPeKs di sini semalam. Hadir sama Ketua Perikanan Daerah Jelevu, Mohd Azhar Jusoh. Antara penerima bantuan ialah Mohd Razif Sidek, 53 dari Kampung Mengkan Dalam.

Katanya, beliau mengusahakan ternakan ikan air tawar sejak 15 tahun lalu dan kali pertama menerima bantuan daripada Jabatan Perikanan Negeri Sembilan. "Saya tidak pernah memohon bantuan kerana belum ada keperluan meskipun mengusahakan banyak kolam ikan," katanya.

Mohd Razif berkata, ternakan ikan air tawar berpotensi jika diusahakan dengan bersungguh-sungguh mampu mendatangkan hasil lumayan. "Patin, baung dan keli antara ikan yang mempunyai permintaan tinggi," katanya.

© New Straits Times Press (M) Bhd

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.08.2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

JABATAN PERIKANAN BANTU PENTERNAK



JELEBU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memperuntuk lebih RM274,000 untuk membantu penternak ikan dan udang di negeri ini.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip, berkata seramai 23 penternak ikan, udang galah dan ikan hiasan sudah menerima bantuan yang dinamakan Sistem Penyampaian Khidmat Sokongan (SPeKs).

"Bantuan meliputi makanan ikan dan peralatan seperti generator, jaring, kincir air, mesin tekanan udara, pam air dan peralatan ternakan ikan hiasan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan SPeKs di sini semalam. Hadir sama Ketua Perikanan Daerah Jelebu, Mohd Azhar Jusoh.

Antara penerima bantuan ialah Mohd Razif Sidek, 53 dari Kampung Mengkan Dalam. Katanya, beliau mengusahakan ternakan ikan air tawar sejak 15 tahun lalu dan kali pertama menerima bantuan daripada Jabatan Perikanan Negeri Sembilan.

"Saya tidak pernah memohon bantuan kerana belum ada keperluan meskipun mengusahakan banyak kolam ikan," katanya.

Mohd Razif berkata, ternakan ikan air tawar berpotensi jika diusahakan dengan bersungguh-sungguh mampu mendatangkan hasil lumayan. "Patin, baung dan keli antara ikan yang mempunyai permintaan tinggi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.08.2021	SINAR HARIAN	ONLINE	-

MAQIS RAMPAS LEBIH 49 TAN PASIR KUCING TANPA PERMIT



KUANTAN - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas dua kontena berisi 49.9 tan pasir kucing yang cuba dibawa masuk tanpa permit import sah melalui Pelabuhan Kuantan di sini pada Isnin.

Maqis dalam kenyataan menjelaskan, barang dagangan dipercayai dari negara China itu dianggarkan bernilai RM39,406.13. Menurutnya, kesemua barang dagangan terbabit itu dirampas untuk tindakan lanjut selepas pihak terlibat gagal mengemukakan permit import Maqis ketika pemeriksaan rutin

dijalankan. "Kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika disabitkan kesalahan, pihak terlibat boleh didenda di bawah Seksyen 11(3) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara sehingga enam tahun atau kedua-duanya sekali," jelas kenyataan agensi itu pada Isnin. Menurut kenyataan itu, bagi kesalahan kedua atau berikutnya, denda tidak melebihi RM150,000 atau penjara sehingga tujuh tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

"Sehubungan itu, Maqis akan terus melakukan pemeriksaan di semua pintu masuk negara bagi memastikan komoditi pertanian, ikan dan haiwan yang masuk atau keluar dari negara ini mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan kerajaan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.08.2021	BERITA HARIAN	NAISIONAL	19

MAQIS rampas dua kontena pasir kucing

Kuantan: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas dua kontena mengandungi 49.98 tan pasir kucing dianggarkan bernilai RM39,406.13 yang cuba dibawa masuk tanpa permit import sah di Pelabuhan Kuantan, di sini, kelmarin.

MAQIS dalam kenyataan media semalam, berkata barang dagangan dipercayai dari China itu ditahan untuk tindakan lanjut kerana tiada permit import sah ketika pemeriksaan dijalankan.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

“Bagi kesalahan kedua atau beriklutnya, didenda tidak melebihi RM150,000 atau penjara tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.08.2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK	25

Perak bakal pengeluar utama kenaf

Kerajaan negeri melalui PPPNP akan memperluaskan tanaman kenaf ke kawasan lain

Oleh SAIFULLAH AHMAD

PARIT

Perak dijangka mampu menjadi pengeluar utama tanaman kenaf di negara ini dalam tempoh lima tahun akan datang.

Exco Perlindungan, Pertanian dan Industri Bekalan Makanan Perak, Razman Zakaria berkata, sasaran itu diyakini mampu dicapai apabila kerajaan menerusi Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) akan memperluaskan tanaman tersebut ke kawasan lain.

Menurutnya, sehingga kini terdapat 140 hektar tanaman kenaf yang diusahakan secara besar-besaran di Gugusan Ladang Lambor, di sini diuruskan PPPNP.

“Tanaman kenaf telah pun kita mulakan sejak awal tahun ini dan kerajaan negeri telah berbincang dengan PPPNP untuk memperluaskannya di Perak.

“Kita melihat potensi tanaman ini dan mungkin kita boleh menjadi pengeluar utama dalam negara,” katanya kepada pemberita selepas hadir dalam Lawatan Kerja dan Perasmian Penuaian Tanaman Kenaf di ladang Gugusan Lambor, di sini,



Razman memasukkan batang kenaf ke dalam mesin untuk diproses ketika melakukan lawatan kerja dan perasmian penuaian tanaman kenaf di ladang Gugusan Lambor, pada Selasa.

pada Selasa.

Kenaf atau nama saintifiknya *Hibiscus Cannabinus L.* adalah sejenis pokok berserat bukan berkayu dan tanaman jangka pendek. Kenaf tergolong dalam famili *Malvaceae* dan berada di bawah genus *Hibiscus* yang mempunyai persamaan dengan tanaman bendi dan kapas.

Penanaman kenaf mula diperkenalkan pada tahun 2004 di negara ini sebagai tanaman pengenalan juga diusahakan di beberapa negara lain untuk penghasilan fiber dan pelbagai produk lain.

Dalam pada itu, Razman memberitahu, kerajaan Perak berhasrat membina sebuah kilang memproses kenaf yang ditanam di negeri ini bagi menggalakkan lebih ramai rakyat di negeri ini menanam tanaman tersebut.

Kerajaan negeri juga, tambah

beliau, sedang berusaha untuk menggalakkan tanaman kenaf sebagai tanaman selingan di ladang-ladang sawit di Perak.

“Kita akan cuba berunding dengan agensi-agensi kerajaan serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang mengusahakan tanaman kelapa sawit untuk terlibat dengan kenaf.

“Model yang ada di Ladang Lambor ini akan digunakan untuk menggalakkan agensi dan GLC serta FELDA dan FELCRA untuk tanam kenaf di tengah-tengah apabila mereka mahu membuat penanaman semula kelapa sawit,” katanya.

PPPNP sebelum ini mengadakan usaha sama Lembaga Kenaf Tembakau Negara (LKTN) bagi penanaman kenaf di Gugusan Ladang Lambor dengan melibatkan seramai 70 peserta terdiri dalam kalangan penduduk setempat.



Petugas barisan hadapan menerima sumbangan buah-buahan di ILP, Pengkalan Chepa, Kota Bharu.
(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Harga durian 50 sen sekilogram

Kota Bharu: Kira-kira 1,000 pekebun durian di sekitar Jeli, Tanah Merah berdepan saat sukar kerana raja buah itu tidak dapat dijual secara terus kepada pembeli sehingga menyebabkan berlakunya lambakan.

Isa susulan pelaksanaan kawalan pergerakan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang mengancam pembekal dan pemborong melakukan penghantaran dan pembelian buah berkenaan. Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (Lanas Jedok), Tanah Merah Zulkifli Yunus, berkata ketika ini masih berlaku lambakan durian di jajahan berkenaan dan ia kini baru memasuki pertengahan musim.

Katanya, antara kawasan berlakunya lambakan durian adalah di

Jeli dan sebahagian kawasan Tanah Merah sehingga menyebabkan harga jualan durian merudum kepada RM1 hingga RM2 sekilogram, malah ada juga terpaksa menjual pada harga 50 sen sekilogram.

"Lambakan raja buah ini dijangka berlaku sehingga tiga hingga empat minggu lagi disebabkan ada sesetengah kawasan yang durian mereka mulai gugur.

"Bagi mengurangkan lambakan durian di daerah ini, saya meminta dermawan di seluruh negara memborong durian di sini bagi membantu pekebun durian, sekali gus mengelakkan kerugian," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pengkalan Chepa di sini.

Terdahulu, Zulkifli mengagihkan sumbangan buah-buahan termasuk durian, manggis dan rambutan sebanyak dua tan kepada petugas barisan hadapan yang ditaja oleh Pengarah Urusan AK Puyuh Emas, Abdul Khairan Firdaus Abdul Rahim.

Zulkifli berkata, ada di antara pekebun durian mengambil inisiatif dengan membuat tempoyak atau lempuk sekiranya durian mereka tidak laris bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya pembaziran.

Media sebelum ini melaporkan, lambakan durian di sekitar Jeli dan Tanah Merah menyebabkan harga raja buah itu jatuh sehingga dijual antara 50 sen hingga RM1.50 bagi sekilogram untuk harga borong.

Dasar Kebun Komuniti Bandar

Sasar setiap PPR 1 kebun komuniti

Kuala Lumpur: Dasar Kebun Komuniti Bandar (DKKB) menyasarkan satu Projek Perumahan Rakyat (PPR) satu kebun komuniti bagi memacu amalan berkebun secara efektif melalui pembabitian bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) dan masyarakat awam.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Zuraida Kamaruddin, berkata dasar yang membolehkan rakyat menghasilkan sumber makanan dan menjana pendapatan itu menggariskan lima teras dan 17 strategi termasuk Garis Panduan Kebun Komuniti Bandar untuk memudahkan pelaksanaan Program Pembangunan Kebun Komuniti selaras peraturan PBT sedang berkuat kuasa sekarang.

Beliau berkata, DKKB menyasarkan pelaksanaan aktiviti kebun komuniti selaras peruntukan undang-undang tempatan supaya teratur, sistematik dan mampan dengan mengoptimumkan penggunaan tanah di kawasan kejiranan atau kawasan lapang dibenarkan.



Zuraida melancarkan Dasar Kebun Komuniti Bandar secara maya, semalam. (foto lisan FB KPRT)

diusahakan komuniti PPR menerusi Pejabat Sekretariat Muefakat Komuniti (PSMK).

"Komitmen ini diteruskan sebelum dan ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu.

"Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga meneruskan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pihak berkepentingan lain untuk menaikkan semangat komuniti bandar yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

"Lima teras digariskan dalam DKKB juga selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RM-Ke-12)," katanya.

Zuraida berkata, berdasarkan statistik, tiga PSMK mencatatkan hasil tuai tertinggi bagi tempoh Januari hingga 31 Mei lalu iaitu Perumahan Rakyat Di-sewa (PPRS) Pinggiran Putra, Kuantan di Pahang yang mencatat 311 kilogram (kg) hasil, PPR Hilliran, Kuala Terengganu (242.9kg) dan Rumah Pangsa Jalan Hospital, Ipoh di Perak 64.78kg.

Katanya, dasar itu inisiatif memperkasa komuniti bandar dan mewujudkan peluang individu serta komuniti menguruskan ekonomi sosial jangka pendek dengan menggalakkan aktiviti penanaman sayuran organik menerusi insentif anak benih dan anak pokok.

"DKKB boleh dijadikan panduan komprehensif pelaksanaan aktiviti kebun bandar dan ia menyokong Program Pembangunan

Pertanian Kebuniti Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedia ada.

"Dasar ini juga bagi memastikan orang awam sedar perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan bagi menjalankan aktiviti kebun komuniti," katanya ketika melancarkan DKKB secara maya, semalam.

Zuraida berkata, kerajaan komited memastikan kelangsungan program kebun komuniti

04.08.2021

UTUSAN MALAYSIA

DALAM
NEGERI

27

Penternak rugi, lebih 100 anak ayam mati terbakar



S. Kalidas merungutkan kawasan reban ayam miliknya yang musnah dalam kejadian kebakaran di Kampung Pasir Tengah, Rantau, Seremban, semalam. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI

SEREMBAN: Seorang penternak kerugian apabila lebih 100 ekor anak ayam baru menetas mati dalam kebakaran kandang dan reban di Kampung Pasir Tengah, Rantau petang kelmarin.

S. Kalidas, 38 berkata, ketika kejadian dia berada di pekan Rantau untuk menjual susu lembu sebelum isterinya menghubungi dan memaklumkan reban ayam di belakang rumah terbakar.

"Saya pulang ke rumah dan pihak bomba tiba untuk memadamkan kebakaran. Saya tidak sempat menyelamatkan lebih 100 ekor anak ayam baru menetas. Turut terkorban dua ekor anjing peliharaan dan seekor arnab."

"Bagaimanapun, saya bernasib baik, sebanyak 20 ekor

lembu sempat keluar dari kandang yang terletak bersebelahan, bomba juga sempat memadamkan kebakaran daripada merebak ke kandang, jika tidak mungkin kerugian saya lebih besar," katanya ketika ditemui pemberita semalam.

Menurut Kalidas, dia sudah 20 tahun menternak ayam, lembu dan kambing di belakang rumahnya itu.

"Saya mengambil alih menjaga ternakan melalui bapa sejak empat tahun lalu dan menjual ternakan dalam kalangan penduduk setempat."

"Sepatutnya saya mahu menjual 100 ekor anak ayam berkenaan hari ini namun semua sudah mati," katanya.

PROMISING CROP

3,237ha set aside for avocado plantation project in Sabah

KOTA KINABALU: The state has allocated 3,237 hectares of land between Tenom and Sipitang for a commercial-scale avocado plantation.

"We are exploring as many development projects as possible, which will be catalysts for our economic growth.

"The state government sees Keningau as the interior development hub due to its vast potential for agricultural expansion," said Sabah Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor during a

working visit to the district recently.

Jamawi Jaafar, an active avocado farmer in the interior district, said the initiative was in line with the Sabah Maju Jaya development plan to improve the agriculture sector in the state.

Jamawi, who is a lifetime member of the Sabah Durian and Tropical Fruit Growers Association, said they were ready to provide assistance and cooperation to the government-linked company entrusted to implement the project.

"The association has the experience and expertise to ensure the project will benefit the government and smallholders in rural areas," said Jamawi, the former Kemabong state assemblyman.

He also hoped the state Agriculture Department would provide training programmes, pesticide, fertiliser assistance and product marketing to the smallholders.

"The selling price of avocado in the market is also quite high, besides the high local demand."



Avocado has a high demand in Sabah's local market.

04.08.2021

UTUSAN MALAYSIA

DALAM
NEGERI

24

Perak sasar jadi pengeluar kenaf utama

PARIT: Perak menyasarkan menjadi pengeluar utama tanaman kenaf di negara ini dalam tempoh lima tahun.

Pengemusi Jawatankuasa Peiradangan, Pertanian dan Industri Bekalan Makanan Perak, Razman Zakaria berkata, setakat ini 140 hektar tanaman kenaf telah diusahakan di negeri ini.

Menurutnya, pihaknya telah berbincang dengan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) yang telah memulakan tanaman kenaf sejak awal tahun ini untuk memperluas tanaman tersebut di negeri ini.

Kita sudah bincang dengan PPPNP dan melihat potensi ini mungkin kita boleh menjadi pengeluar utama negara.

"Kita juga ingin uar-uarikan contoh model tanaman kenaf yang ditanam PPPNP seluas 140 hektar di Gugusan Ladang Lambor yang sudah mengeluarkan hasil," katanya kepada pemberita selepas melawat dan memerhatikan penuaian tanaman kenaf di Ladang Gugusan Lambor di sini, semalam.

Penanaman kenaf di Gugusan



RAZMAN Zakaria (depan) memuai kenaf di Ladang Gugusan Lambor dekat Parit, Perak, semalam. - UTUSAN/ MOHAMMAD HAFIZI MOHD. SAID

Ladang Lambor milik PPPNP ini merupakan projek perintis dengan usahasama Lembaga Kenaf

Tembakau Negara (LKTN) melibatkan 70 peserta terdiri dari kalangan penduduk setempat.

Menurut Razman, kerajaan negeri juga bercadang untuk mendirikan sebuah kilang

memproses kenaf yang ditanam di negeri ini dalam menggalakan lagi penduduk menanam tanaman berkenaan.

Beliau berkata, ada usahasama dalam peringkat perancangan dengan PPPNP untuk membina sebuah kilang memproses kenaf yang buat masa sekarang tidak ada di Perak yang akan menggiatkan lagi sektor tanaman kenaf di Perak.

Katanya, kerajaan negeri juga akan mengadakan rundingan dengan agensi-agensi kerajaan serta syarikat milik kerajaan (GLC) di negeri ini yang mengusahakan tanaman kelapa sawit untuk terikat dengan kenaf.

"Kita akan gunakan model di Ladang Lambor untuk galakan agensi dan GLC serta FELDA dan Felcra apabila nak tanam semula kelapa sawit mereka boleh tanam kenaf di tengah-tengah.

"Kita juga akan bekerjasama dengan pegawai daerah untuk mewujudkan satu komuniti di kampung-kampung yang mempunyai atau melibatkan tuan tanah terbiar untuk menanam kenaf," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.08.2021	HARIAN METRO	LOKAL	18



PEKEBUN mengutip durian kampung yang baru gugur di Kampung Lawang, Tanah Merah, semalam.

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Masalah lambakan durian di sekitar Jeli dan Tanah Merah dijangka berlarutan sehingga tempoh tiga ke empat minggu lagi.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (Lanas Jedok) Tanah Merah, Zulkifli Yunus berkata, ini berikutan sesetengah kebun durian di daerah itu yang buahnya baru mulai gugur.

Katanya, kira-kira 1,000 pekebun menghadapi masalah lambakan ketara hingga menyebabkan harga jualan buah itu menjunam, malah dijual antara RM1 hingga RM2 sekilogram dan ada serendah 50 sen.

"Sekarang baru pertengahan musim durian, tetapi sudah berdepan masalah lambakan ini.

"Bagi mengurangkan lambakan saya menyeru kepada dermawan di seluruh

Betul-betul 'durian runtuh'

Harga cecah 50 sen sekilogram, keadaan babit 1,000 pekebun dijangka berlarutan 4 minggu

negara untuk memborong durian dari Tanah Merah dan Jeli, sekali gus membantu pekebun serta mengelakkan mereka kerugian," katanya ketika ditemui di Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pengkalan Chepa di sini, baru-baru ini.

Terdahulu, Zulkifli mengagihkan sumbangan buah tempatan termasuk durian, manggis dan rambutan sebanyak dua tan kepada petugas barisan hadapan yang ditaja oleh Pengarah Urusan

AK Puyuh Emas, Abdul Khairan Firdaus Abdul Rahim.

Menurutnya, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikatakan antara faktor menyumbang kepada masalah lambakan berikutan pergerakan terhad untuk melakukan penghantaran kepada pembekal dan pemborong.

Bagi mengatasi masalah buah busuk serta pembaziran, katanya, ada pekebun mengambil inisiatif dengan memprosesnya menjadi tempoyak dan lem-

puk durian.

Media sebelum ini melaporkan durian di sekitar Jeli dan Tanah Merah dijual antara 50 sen hingga RM1.50 sekilogram untuk harga borong, manakala harga runcit sekitar RM2 hingga RM2.50 sekilogram disebabkan lambakan buah itu.

Sementara itu, mengenai program, Khairan Firdaus berkata, dia memperuntukkan hampir RM3,000 untuk membeli buah-buahan tempatan dan diagihkan kepada petugas barisan hadapan di sini sebagai menghargai pengorbanan dan jasa mereka.

Pelaksanaan PKP antara faktor menyumbang kepada masalah lambakan



04 AUG, 2021

Melon manis a must buy item in Terengganu

Nanyang Siang Pau, Malaysia

甜哈密瓜
游登必买伴手礼

最诱人的季节莫过于现在。在阳光下的哈密瓜堪称是疗愈系的素食，细嫩的果肉在嘴里甜蜜融化。

甜哈密瓜的种类繁多，而在马来西亚，果香浓郁、清香爽口的黄澄澄登嘉楼哈密瓜更是让“吃瓜群众”欲罢不能。

登嘉楼哈密瓜是果中极品。2015年11月29日，登嘉楼州农业局正式将“登嘉楼甜哈密瓜”列为登嘉楼标志水果，并配合农守局112周年庆典，在登嘉楼州农业局（KAPM）举办推介仪式。

登嘉楼农业局综合回收收集的民意与反馈后，并由登嘉楼州农业局直接将登嘉楼甜哈密瓜作为登嘉楼标志水果。

为了推广登嘉楼甜哈密瓜，这水果已被列入自然到访计划的游客必买伴手礼。与此同时，登嘉楼甜哈密瓜也被纳入登嘉楼农业局计划，提升州内农业产值。

黄澄澄的登嘉楼甜哈密瓜外皮光滑，剖开后，果肉就如三文鱼肉质一般，嫩滑爽口，香气浓郁，可口极了。一尝后，势必让人赞不绝口。

从重量来说，甜哈密瓜平均重量为1.3至1.5公斤，超过1.5公斤的甜哈密瓜（Big）超过11%，其果肉有丰富的营养成分，包括维生素C，有益于免疫系统，增强身体免疫力，以及富含纤维质。

农业局总推广官哈希姆哈桑（左）日前在农业局推广哈密瓜果园；右为登嘉楼甜哈密瓜农会会长林素萍（右）。



农业局总推广官哈希姆哈桑（左）日前在农业局推广哈密瓜果园；右为登嘉楼甜哈密瓜农会会长林素萍（右）。

登嘉楼哈密瓜迈向全球

当前，登嘉楼甜哈密瓜主要产地包括勿拉、士流（Setiuh）、邦拉登麻楼、恩拉登麻楼、恩拉登麻楼（Kuala Kemuning）、马江（Marang）及吉兰丹（Gelangau），登嘉楼甜哈密瓜的产量及出口量正快速增长。

如今，越来越多的登嘉楼甜哈密瓜已出口到新加坡、吉隆、曼谷及曼谷周边地区，因此登嘉楼甜哈密瓜的需求量大。

在政府与私人界合作下，登嘉楼必须生产出能满足国内外市场需要的甜哈密瓜。一旦成为国内主要农作物，登嘉楼甜哈密瓜将会得到更多关注。

想要加入登嘉楼甜哈密瓜种植者，欢迎联系登嘉楼甜哈密瓜农会合作社主席林素萍（016-922 1455）或登嘉楼甜哈密瓜农会合作社经理（0111-687 7197）。

获农业局辅助 农民月入可观

在农业局的帮助下，农民通过项目，月收入大幅增长。

目前，登嘉楼甜哈密瓜产量逐年提高，但在受全球疫情影响下，此外，想要参加登嘉楼甜哈密瓜的推广，农民需要通过登嘉楼甜哈密瓜农会合作社（KORPM）取得种植的特权。

今年，农业局成功补贴资助19名企业家，并致谢其可生产270公顷，产值达160万令吉。当前，每名参与者的月收入都超过3000令吉，实为一项很好的政府计划与创业方式。



登嘉楼甜哈密瓜是农家的标志水果，深受百姓喜爱。（资讯）



农业局总推广官哈希姆哈桑（左）日前在农业局推广哈密瓜果园；右为登嘉楼甜哈密瓜农会会长林素萍（右）。



04 AUG, 2021

Melon manis a must buy item in Terengganu

Nanyang Siang Pau, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KEMENTERIANPERTANIAN DANINDUSTRI MAKANAN 初·密底：成熟后的登嘉楼甜瓜：哈密瓜，在阳光K下：宛如宝石般璀璨，：非常诱人。甜哈密瓜色泽偏橙，脆甜可口，甜丝丝的味道沁人心脾o甜蜜蜜，你笑得甜蜜蜜，好像“瓜”儿开在春风里……。艳阳天最令人舒坦的绝对是宅家“啖冷气”吃瓜消暑了，金灿灿的哈密瓜堪称是疗愈系的美食，细嫩的果肉在嘴里甜蜜融化。全